

# Nilai Estetika Keindahan Motif dan Corak Seni Ukiran Kayu Rumah Limas Belanda di Terengganu

**BITARA**

Volume 5, Issue 1, 2022: 36-51  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 2 January 2021  
Accepted: 28 January 2022  
Published: 14 February 2022

## [The Aesthetic Value the Beauty of Motifs and Patterns of Wood Carving Art of Rumah Limas Belanda in Terengganu]

Mohd Nur Shafiq Harun<sup>1</sup> & Mohd Samsudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, MALAYSIA.  
Email: mohdnurshafiqharun@gmail.com; moss@ukm.edu.my

\* Corresponding Author: mohdnurshafiqharun@gmail.com

### Abstrak

Rumah Limas Belanda merupakan salah satu produk warisan kebudayaan seni bina di Terengganu yang masih tersergam indah dan memiliki keindahan seni ukiran kayunya yang dipengaruhi oleh sejarah budaya Melayu tradisional dan pengaruh agama Islam sebagai lambang status dan darjat pemilik rumah. Oleh itu, artikel ini memfokuskan tentang jenis-jenis motif dan corak ukiran kayu yang terdapat pada Rumah Limas Belanda. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif merangkumi sumber primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi melalui kaedah temubual dan kajian lapangan di Rumah Limas Belanda yang terletak di Kampung Losong. Manakala, sumber sekunder diperolehi daripada buku ilmiah, jurnal, akhbar dan tesis sarjana. Hasil kajian menunjukkan bahawa seni bina Rumah Limas Belanda mempunyai jenis motif dan corak ukiran kayu berunsurkan motif kaligrafi Arab, motif alam flora dan motif geometri yang yang diterapkan berlandaskan syariat dan akhlak Islam. Sesungguhnya, kajian ini dilakukan sebagai usaha untuk melestarikan warisan seni ukiran kayu yang terdapat pada Rumah Limas Belanda di Terengganu agar dapat dijadikan rujukan oleh penyelidik lain dan generasi akan datang.

**Kata kunci:** Rumah Limas Belanda, Seni Ukiran Kayu, Motif dan Corak.

### Abstract

Rumah Limas Belanda is architectural heritage in the state that still looks beautiful wood carvings that are influenced by historical, traditional and cultural influence of Islam as a symbol of status and prestige of the house owner. Therefore, this article focuses on the types of wood carving motifs and patterns found on the Rumah Limas Belanda. This study uses qualitative methods covering primary and secondary sources. Primary sources were obtained through interviews and field studies at Rumah Limas Belanda located in Kampung Losong. Meanwhile, secondary sources are obtained from scholarly books, journals, newspapers and master's theses. The results show that the architecture of Rumah Limas Belanda has a variety of motifs and wood carving patterns with elements of Arabic calligraphy motifs, natural flora motifs and geometric motifs that are applied based on Islamic law and morals. Indeed, this study was conducted as an effort to preserve the heritage of wood carving art found at Rumah Limas Belanda in Terengganu so that it can be used as a reference by other researchers and future generations.

**Keywords:** Rumah Limas Belanda, Wood Carving Art, Motifs and Pattern

### Cite This Article:

Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin. 2022. Nilai estetika keindahan motif dan corak seni ukiran kayu rumah Limas Belanda di Terengganu [The aesthetic value the beauty of motifs and patterns of wood carving art of Rumah Limas Belanda in Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 36-51.

## Pengenalan

Kehalusn dan keindahan seni ukiran kayu di sebalik warisan seni bina Rumah Limas Belanda mempunyai nilai-nilai estetika melalui ukiran pelbagai jenis motif dan corak yang menarik untuk diterokai dan dihayati. Secara umumnya, setiap keindahan seni ukiran kayu yang dikenali sebagai ragam hias merupakan salah satu khazanah budaya dalam masyarakat Melayu tradisional di Terengganu yang wujud seawal abad ke-16M lagi melalui ilmu pengetahuan, kemahiran pertukangan, pengalaman dan sifat kreatif yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 161). Sememangnya, Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Semenanjung Pantai Timur selain Negeri Kelantan dan Pahang yang cukup popular dengan keindahan warisan seni ukiran kayu melalui penjelmaan ukiran-ukiran pelbagai motif dan corak yang dipengaruhi oleh corak budaya Melayu tempatan, alam persekitaran, tradisi, adat resam dan pengaruh agama Islam yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir kayu di Terengganu (Mohd Yusof Abdullah, 2021).

Sejarah telah mencatatkan bahawa keindahan seni ukiran kayu di Terengganu seringkali dilihat keindahannya pada elemen reka bentuk bangunan warisan iaitu Istana Raja di Besut, Istana Tele, Istana Kolam, rumah Melayu tradisional, masjid, surau dan wakaf yang banyak terdapat di kawasan Kuala Terengganu dan Besut (Abdul Halim Nasir, 2016: 40-41). Dalam meniti kehidupan pada zaman modenisasi kini, nilai keindahan seni ukiran kayu yang terdapat pada seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu sering diabaikan dan kurang dihayati oleh masyarakat Melayu di sebalik ciri-ciri estetikanya yang melambangkan identiti sejarah warisan kebudayaan tempatan (Zaitie Satibi, 2018: 34).

Sesungguhnya, kajian tentang jenis motif dan corak ukiran kayu terhadap seni bina Rumah Limas Belanda mempunyai sumber yang terhad dan masih kurang dikaji oleh penyelidik budaya Melayu yang lain (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Berdasarkan kajian awal, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang Rumah Limas Belanda telah dijalankan oleh penyelidik. Umpamanya, (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 59) hanya membincangkan tentang sejarah awal seni bina Rumah Limas Belanda, elemen reka bentuk dan struktur binaan awalnya. Selain itu, kajian dijalankan oleh (Nursuriani Shaffee dan Ismail Said, 2013: 39) berfokuskan tentang ukiran kayu jenis motif dan corak alam flora pada bangunan warisan di Terengganu dan Kelantan. Selanjutnya, (Noor Hafiza Ismail, 2018: 96) hanya menyimpulkan motif ukiran kayu pada mimbar masjid Terengganu. Selain itu, kajian seni ukiran kayu juga dijalankan oleh (Mohd Nasrulamiyam Mohd Nasir dan Asyaari Muhamad, 2018: 78) menjelaskan tentang sejarah perkembangan seni ukiran kayu dan perhiasan perahu di Semenanjung Tanah Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian awal yang diperolehi belum dapat merumuskan secara keseluruhan tentang jenis motif dan corak ukiran kayu pada seni bina Rumah Limas Belanda di Terengganu. Oleh sebab itu, kajian ini wajar dijalankan sebagai inisiatif untuk melestarikan keindahan motif dan corak seni ukiran kayu yang terdapat pada seni bina Rumah Limas Belanda agar dapat dijadikan rujukan utama kepada pihak Jabatan Warisan Negara, Jabatan Warisan Negeri Terengganu dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Kajian ini juga dapat dijadikan sumber baru kepada penyelidik budaya Melayu untuk mengkaji tentang jenis motif dan corak seni ukiran kayu khususnya dalam seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu.

## Seni Ukiran Kayu Melayu Sorotan Ringkas

Sebagaimana yang kita ketahui, seni ukiran kayu diertikan sebagai salah satu gerak kerja penciptaan tangan yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional merupakan sebahagian daripada warisan kesenian beridentitikan budaya Melayu yang sudah lama bertampuk di Alam Melayu sejak 500 tahun yang lalu (Noor Hafiza Ismail, 2018: 26). Dalam konteks ini, seni ukiran kayu Melayu mempunyai tiga aspek penting dalam masyarakat budaya Melayu mencakupi nilai status, kepercayaan dan kebudayaan yang diterjemahkan dalam seni ukiran kayu melalui falsafah, pengertian dan fungsi yang mempunyai perbezaan bagi setiap penggunaannya.

Oleh itu, warisan ukiran kayu seringkali dilihat dan ditonjolkan pada elemen-elemen reka bentuk seni bina rumah Melayu tradisional, istana-istana sultan, masjid, wakaf, dan surau yang dimiliki oleh golongan kerabat diraja dan bangsawan (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Pernyataan ini dibuktikan melalui penulisan (Abdul Halim Nasir, 2016: 37) menyatakan bahawa: “pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu lama, sebilangan besar raja-raja Melayu, kerabat diraja serta orang-orang besar tinggal di rumah-rumah atau istana kayu yang berukir. Sudah menjadi kebiasaan pada zaman itu raja-raja Melayu yang memerintah dengan sedaya upayanya akan cuba memiliki sebuah istana yang indah. Keindahan yang telah dipersembahkan ialah seni ukiran yang berbagai rupa dan corak.”

Petikan ini menggambarkan bahawa keunikan seni ukiran kayu yang dijelmakan pada setiap elemen reka bentuk rumah kediaman yang dimiliki oleh seseorang individu dianggap tinggi nilai darjat dan status dalam masyarakat Melayu tradisional (Nila Inangda Manyam Keumala Daud, 2012: 4-6). Seni ukiran kayu Melayu turut dijelaskan oleh (Mastor Surat, 2013: 18) iaitu: “*carving work together with the whole idea of building design, and become a prominent decoration and the symbolism of the building. For traditional Malay architecture, wood carving work is not only seen as a decorative and architectural achievements of the work, but should be seen as an expression of cooperation between building artisans, craftsmen and suppliers of wood carving works*”. Petikan ini jelas menyatakan bahawa seni ukiran kayu diibaratkan sebagai cerminan yang memaparkan sejarah silam terhadap sesuatu kelompok bangsa yang dapat dijadikan sebagai simbol kebudayaan Melayu melalui sifat kreatif dan ilmu kemahiran tukang-tukang ukir kayu tradisional (Mohammad Nazzri Ahmad, 2016: 111). Dalam konteks ini, seni ukiran kayu yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir Melayu tradisional terdiri daripada ukiran kayu dan ukiran kayu halus. Ukiran kayu adalah karya ukiran yang lebih berorientasikan fungsi fizikal produk dan nilai estetikanya yang lebih bersifat formal manakala ukiran kayu halus pula lebih berorientasikan perasaan yang mengarah pada emosi dan ekspresi seniman penciptanya semasa proses penciptaannya (Izani Mat & M. Hum, 2013: 28).

Hal ini dapat dijelaskan bahawa proses kerja tangan kesenian ukiran kayu saling berhubungan dengan falsafah seni ukir yang meliputi ekspresi nilai kedamaian, kejujuran, kesabaran dan kecintaan di sebalik keindahan motif dan corak secara visualnya bagi menyampaikan maklumat, cerita atau sejarah (Mohamad Sany Mohd Hanif & Mohammad Omar Bidin, 2015: 30). Pada abad ke-16 M, tukang-tukang ukir kayu Melayu banyak menghasilkan motif dan corak ukiran kayu yang bernilai estetika berunsurkan motif tumbuh-tumbuhan, fauna, kosmos, kaligrafi dan geometri.

Dalam hal ini, setiap motif dan corak ukiran kayu dalam masyarakat budaya Melayu diolah dan dibentuk selari dengan perkembangan evolusi seni ukiran kayu di Alam Melayu pada awalnya dipengaruhi oleh unsur pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan lahirnya agama Islam bertauhidkan Allah yang Esa (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 160). Jika kita menelusurinya lebih mendalam, seawal abad ke-16 M tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional menggunakan motif dan corak bermotifkan corak kaligrafi, geometri dan alam flora setelah agama Islam mula bertapak di Semenanjung Tanah Melayu melalui perjumpaan Batu Bersurat di Sungai Teresat, Terengganu pada abad ke-14 M membuktikan bahawa agama Islam telah dianuti oleh masyarakat Melayu (Abdul Halim Nasir, 2016: 17).

Berikutan daripada itu, pegangan agama Islam menjadi agama teras dan semakin serasi dalam kehidupan masyarakat budaya Melayu sehingga menyingkirkan kepercayaan dan adat yang dibawa oleh pengaruh Hindu-Buddha secara berperingkat (Nur Hafizah Ramlee et al, 2013: 81). Impaknya, selepas kedatangan agama Islam ke Semenanjung Tanah Melayu, penggunaan motif dan corak seni ukiran kayu diolah berdasarkan ciri-ciri berunsurkan agama Islam yang mempunyai perbezaan dari segi rupa bentuk dan di sebalik makna simbolnya (Abdul Rahman Abdullah, 2020: 185). Sememangnya, setiap nilai keindahan dan estetika warisan seni ukiran kayu yang dijelmakan melalui pelbagai penghasilan motif dan corak di Alam Melayu merupakan usaha kerajinan tangan yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir kayu tradisional merangkumi tahap pemikiran dan ketinggian teknologi peralatan dapat dijadikan sebagai bukti dan rakaman pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat budaya Melayu tradisional sejak zaman berzaman yang masih bertahan sehingga zaman kini.

## **Jenis-Jenis Motif dan Corak Ukiran Kayu Rumah Limas Belanda**

Kemegahan warisan seni bina Rumah Limas Belanda di Terengganu yang dibina seawal abad ke-18 M mempunyai nilai estetika melalui penghasilan ukiran kayu yang sungguh mendamaikan dan menenangkan jiwa. Dalam hal ini, sifat kreatif dan ketajaman akal dalam ilmu pertukangan yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu tempatan melambangkan identiti sejarah budaya masyarakat Melayu di Terengganu (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Setiap penghasilan sesuatu motif dan corak ukiran kayu adalah dipengaruhi oleh corak budaya Melayu tradisional, adat resam, tradisi, pengaruh agama Islam dan penggunaan bahan binaan bersumberkan alam sekeliling yang diwarisi daripada pelbagai rumpun di Alam Melayu (Mohammad Nazzri Ahmad, 2016: 100-102).

Dalam konteks ini, setiap reka bentuk kesenian budaya Melayu tidak akan sempurna tanpa dihiasi dengan motif dan corak yang indah diukir pada sesuatu permukaan yang dilihat pada ukiran kayu selain dari ukiran batu, keris dan meriam. Motif diertikan sebagai komponen perhiasan yang diukir pada permukaan kayu untuk menghasilkan sesuatu corak yang terdiri daripada bentuk dua dan tiga dimensi kemudian diolah untuk menghasilkan sesuatu corak yang mengandungi falsafah dan makna tertentu (Ab. Aziz Shuaib & Olalere Folasayo Enoch, 2014: 62). Berdasarkan penulisan oleh (Makmur & Muhammad Bukhari Lubis, 2014: 33) menyatakan bahawa ukiran dua dimensi adalah penghasilan sesuatu bentuk yang menggunakan sudut di

bahagian permukaannya sahaja sering dilihat sebagai perhiasan di bahagian dinding, daun pintu, kekisi, tebar layar.

Manakala, ukiran tiga dimensi adalah ukiran yang dibuat dalam bentuk yang dapat dihayati dari pelbagai sudut. Ukiran tiga dimensi biasanya ditemui dalam bentuk arca, peralatan pertanian, peralatan rumah tangga, congkak, tiang larik dan sebagainya". Kebiasaannya, setiap ukiran motif yang dihasilkan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu motif hias dan motif penyudah. Pada asasnya, tukang-tukang ukir kayu Melayu akan membuat ukuran dan penyusunan motif secara berstruktur iaitu mengikut urutan pada ruang-ruang tertentu untuk menghasilkan corak yang cantik pada sesuatu objek yang dihasilkan (Siti Zainon Ismail, 1986: 28-29). Oleh itu, setiap penghasilan motif dan corak ukiran kayu di Alam Melayu adalah mengandungi falsafah seni ukiran kayu yang berbeza berdasarkan corak budaya dalam sesebuah masyarakat Melayu tradisional di setiap negeri Semenanjung Tanah Melayu. Pernyataan ini turut dijelaskan oleh (Nor Hafiza Ismail et al, 2018: 192) bahawa setiap penghasilan motif dan corak dalam seni ukiran kayu di Alam Melayu adalah berbeza melalui cara dan teknik ukiran mengikut kehendak dan kreativiti seseorang pengukir kayu. Umumnya, ukiran motif dan corak yang dibentuk dalam masyarakat Melayu adalah berasaskan bahan alam semulajadi iaitu penggunaan kayu yang tahan lasak dan berkualiti seperti kayu cengal dan merbau bertujuan melancarkan proses mencorakkan sesuatu motif. Di samping itu, keindahan penjelmaan motif dan corak ukiran kayu dilakukan melalui *teknik menyobek*, *teknik memahat* dan *teknik goresan* yang diterapkan pada permukaan papan kayu untuk menghasilkan sesuatu motif (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001: 1-3).

Hal ini turut juga dijelaskan oleh (Mohd Yusof Abdullah, 2021) menyatakan bahawa teknik ukiran kayu tradisional di Terengganu dalam menghasilkan motif dan corak pada permukaan kayu adalah menggunakan teknik sobekan tembuk tembus dan tembuk timbul iaitu bahagian kayu yang cengkung keluar ditimbulkan manakala bahagian yang cengkung ke dalam ditenggelamkan. Oleh itu, teknik tembuk tembus merupakan teknik yang utama digunakan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional untuk menghasilkan motif dan corak pada komponen reka bentuk bangunan warisan yang diukir menggunakan alat-alat ukiran kayu tradisional iaitu pisau wali, pahat, tukul kecil, kikir pari dan daun mempelas (Izani Mat II M. Hum, 2013: 29).

Sementelahan itu, nilai keindahan ukiran motif dan corak yang menggunakan teknik ukiran tembuk tembus pada elemen reka bentuk rumah Melayu tradisional iaitu Rumah Limas Belanda adalah berfungsi sebagai sistem penghawaan angin bagi mewujudkan keselesaan di ruang dalaman dan dijadikan lubang pencahayaan iaitu membenarkan cahaya masuk apabila pintu dan tingkap ditutup (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 161-162). Oleh yang demikian, setiap keindahan seni ukiran kayu yang terdapat pada Rumah Limas Belanda di Terengganu dikenalpasti melalui penghasilan tiga jenis motif dan corak iaitu motif kaligrafi arab, motif alam flora dan motif geometri berunsurkan pengaruh kesenian dari tamadun Islam yang diukir pada reka bentuk ruang dalaman. Berkaitan daripada itu, penghasilan unsur motif dan corak ukiran yang diterapkan pada elemen-elemen reka bentuk rumah Melayu tradisional dilakukan secara rapi dan penuh ketekunan oleh tukang-tukang ukir kayu mengikut kehendak pemilik rumah dan perlulah tidak bercanggah dengan peraturan dan syariat Islam yang diamalkan dalam budaya Melayu.

## Motif Kaligrafi Arab

Keunikan motif dan corak ukiran kayu seni bina Rumah Limas Belanda di Terengganu adalah bercirikan penggunaan motif kaligrafi Arab yang sinonim diukir dan diilhamkan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional di Terengganu sebagai suatu perlambangan yang menepati jiwa, keindahan dan citarasa Islam (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Dalam konteks ini, masyarakat Melayu tradisional mula mengilhamkan motif dan corak berunsurkan kaligrafi Arab sejak abad ke-13 M setelah berlakunya penyebaran agama Islam di Alam Melayu. Oleh itu, impak penyebaran ajaran agama Islam dalam masyarakat budaya Melayu diseru untuk menitikberatkan sesuatu penjelmaan motif dan corak seni ukiran kayu berkonsepkan mentauhidkan kepada Allah S.W.T (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001: 25). Pada hakikatnya, setiap pengolahan motif dan corak seni ukiran Melayu dipengaruhi oleh agama Islam bertepatan dengan kenyataan oleh seorang tokoh Islam iaitu Ibnu Khaldun yang berbunyi 'kesenian yang menyampaikan kebenaran Ilahi dan menyerapkan nilai-nilai akhlak mulia, tersusun secara indah dan berhak disebut sebagai karya seni yang baik dan berguna kepada manusia' (Mohd Zamri Mohamed Noor & Ermy Azziaty Rozali, 2021: 124).

Berdasarkan kajian oleh (Azreena Abu Bakar & Nangkula Utaberta, 2013: 3) menghuraikan bahawa kegiatan seni ukiran kayu yang digiatkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu adalah dipengaruhi oleh nilai agama Islam semasa bertapaknya kerajaan Melayu Langkasuka yang menyeru agar penciptaan sesuatu motif ukiran kayu berlandaskan tuntutan syariat Islam. Secara umumnya, menurut (Mohd Hafiz Abd Rahman, 2021) menjelaskan bahawa pada peringkat sebelum penyebaran agama Islam, masyarakat Melayu tradisional di Terengganu mengamalkan kepercayaan animisme dan pengaruh Hindu-Buddha dalam kehidupan seharian sehingga berlakunya penjelmaan motif dan corak seni ukiran kayu menggunakan unsur-unsur rupabentuk makhluk bernyawa iaitu motif fauna dan kosmos diukir sebagai lambang perhiasan pada bahagian komponen reka bentuk dalaman mahupun luaran sesebuah rumah Melayu tradisional di Terengganu.

(Pooja Singh, 2017: 293) menjelaskan bahawa motif fauna diertikan sebagai motif yang berunsurkan binatang bernyawa manakala motif kosmos adalah berunsurkan bulan, bintang dan matahari merupakan sesuatu perlambangan yang digunakan oleh kelompok masyarakat budaya Melayu pada zaman animisme dan Hindu-Buddha. Ekoran daripada itu, selepas bertapak dan tersebarnya pengaruh agama Islam di Semenanjung Pantai Timur ukiran kayu berunsurkan makhluk bernyawa diharamkan dan dihapuskan secara perlahan-lahan dalam budaya Melayu tradisional di Alam Melayu oleh kerana penggunaan motif dan corak makhluk bernyawa dilarang dalam ajaran agama Islam (Mohd Hafiz Abd. Rahman, 2021). Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh (Nila Inangda Manyam Keumala Daud et al, 2012: 6) menjelaskan bahawa: "falsafah seni ukiran kayu di Semenanjung Malaysia banyak dipengaruhi oleh ajaran agama Islam. Islam sebagai falsafah hidup masyarakat Melayu yang mempercayai hanya satu Tuhan, iaitu Allah yang patut disembah, menjadi titik tolak ukiran kayu yang mula dibuat berlandaskan ajaran agama Islam." Oleh itu, ukiran kayu bermotifkan kaligrafi Arab berbentuk tulisan khat *kufi* ada Rumah Limas Belanda di Terengganu dijelmakan melalui kata-kata bersifat kepujian kepada Maha Pencipta iaitu Asmaul Husna, ukiran nama Nabi Muhammad S.AW dan potongan doa-doa (Mohd Yusof Abdullah, 2021) yang dipercayai

dapat menghindari anasir jahat memasuki rumah dan mengelakkan daripada berlakunya sesuatu musibah (Azreena Abu Bakar & Nangkula Utaberta. 2013: 9). Gambar 1 (a), (b) dan (c) di bawah menunjukkan ukiran motif kaligrafi Arab Khat kufi yang terdapat pada Rumah Limas Belanda di Terengganu.

Pada amnya, tulisan khat *kufi* dikenali sebagai khat *muzawwar* berasal dari khat *Hieri* (*Hira*) merupakan salah satu jenis tulisan Arab (Makmur Haji Harun, Bazrul Bahaman & Mohd Fauzi Ariffin, 2013: 6-7) yang diukir pada sesuatu ruang kosong berbentuk empat segi, empat segi panjang berbentuk siku dan bersudut pada sesuatu ukiran kayu untuk dijadikan sebagai ragam hias (Ridzuan Hussin, Asmahan Mokhtar & Abdul Razak Abdul Jabbar, 2017: 3). Sesungguhnya, kajian yang dijalankan oleh (Aji Windu Viatra & Retika Wista Anggraini, 2018: 52) menjelaskan bahawa sifat kreatif yang ditonjolkan oleh pengukir kayu tradisional di serata Kepulauan Melayu menghasilkan motif kaligrafi Arab berbentuk khat *kufi* berdasarkan terjemahan ayat-ayat al-Quran yang terdiri daripada *Zikir*, *Ayat Qursi*, *Surah Al-Fatihah*, *Surat Ikhlas* dan *Bismillahirrahmanirrahim*.

Pernyataan ini dapat diperkukuhkan lagi berdasarkan kajian oleh (Husni Mubarat & Heri Iswandi, 2018: 142) menghuraikan bahawa seni ukiran kayu yang dihasilkan oleh masyarakat budaya Melayu di Nusantara adalah bermotifkan kaligrafi Arab iaitu khat *kufi* yang ditonjolkan pada seni bina rumah Melayu tradisional sebagai suatu simbol mengakui keagungan Allah S.W.T yang Esa dan Nabi Muhammad S.A.W setelah sebatian dengan ajaran agama Islam.

Gambar 1 (a): Ukiran motif kaligrafi Arab (Khat Kufi) di bahagian sisir angin dinding antara ruang dapur dan ruang ibu



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Gambar 1 (b): Ukiran motif kaligrafi Arab (Khat Kufi) pada bahagian sisir angin dinding antara ruang dapur dan ruang ibu



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Gambar 1 (c): Ukiran motif kaligrafi Arab (Khat Kufi) pada bahagian atas pintu masuk utama



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

## Motif Tumbuh-tumbuhan

Selain daripada keindahan bermotifkan kaligrafi Arab, seni bina Rumah Limas Belanda di Terengganu juga dihiasi dengan seni ukiran kayu bermotifkan tumbuh-tumbuhan semulajadi. Dalam konteks ini, tukang-tukang ukir kayu tradisional di Terengganu seringkali menggunakan motif tumbuh-tumbuhan sebagai motif yang dominan dan sumber ilham dalam melahirkan sesuatu nilai keindahan seni ukiran kayu (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Sesungguhnya, tumbuh-tumbuhan merupakan sesuatu ciptaan semulajadi oleh Allah S.W.T yang berakar, berdahan, berdaun yang bersifat menjalar dan berbunga mempunyai perkaitan antara kehidupan manusia dengan alam persekitaran yang mewujudkan nilai keindahan dan keharmonian pada reka bentuk rumah Melayu tradisional di Alam Melayu seawal abad ke 18 M (Maizira Abdul Majid & Norhayati Ab. Rahman, 2022: 119).

Sejak awal lagi, masyarakat Melayu tradisional sangat mesra dengan alam persekitaran yang menyedari bahawa tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga yang berbagai rupa dan warna mempunyai pengertian yang lebih jauh daripada keindahan luaran (Rohaida Jusoh, 1996: 74-



76). Hal ini dapat diperkukuhkan lagi berdasarkan kajian oleh (A.A. Navis, 1984: 59) ada menyatakan bahawa “pola kehidupan masyarakat Melayu adalah sederhana dan mempunyai hubungan erat dengan lingkungan alamnya, karena sistem sosial budaya mempunyai hubungan timbal balik dengan lingkungan alam. Penciptaan berbagai motif untuk ukiran terbentuk dari berbagai bentuk yang ada di alam sesuai dengan falsafah “alam takambang jadi guru” (alam terkembang dijadikan guru) yang mengandung berbagai makna dalam pola kehidupan sosial budaya dalam masyarakat.”

Oleh hal yang demikian, kenyataan ini dapat digambarkan melalui sifat kreatif yang ditunjukkan oleh tukang-tukang ukir Melayu tradisional melalui pengubahsuaian seni ukiran kayu berunsurkan tumbuh-tumbuhan semulajadi telah melahirkan ketenangan jiwa dan menyerikan suasana terhadap sesebuah rumah Melayu tradisional melalui bentuk, bau, kegunaan dan nostalgia dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian masyarakat budaya Melayu (Nursuriani Shaffee & Ismail Said, 2013). Oleh itu, berdasarkan kajian yang dilakukan membuktikan bahawa terdapat penggunaan motif tumbuh-tumbuhan semulajadi pada Rumah Limas Belanda di Terengganu dikenalpasti diolah secara visualnya daripada bentuk pucuk sulur bayur berbentuk ‘S’ digabungkan dengan ukiran motif kaligrafi Arab khat *kufi* yang diukir nama *Nabi Muhammad S.A.W.*

Hal ini diperkukuhkan lagi berdasarkan kajian oleh (Abdullah Yusoff, Salina Sahri, Norain Ismail, 2011: 57) menyatakan bahawa “di tanah Melayu ukiran yang berunsurkan kaligrafi banyak terdapat pada rumah Melayu tradisional di Kelantan dan Terengganu yang diperindahkan melalui ukiran kayu yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan digabungkan dengan seni khat disebabkan pengaruh agama Islam yang kuat berbanding negeri-negeri yang lain”. Gambar 2 (a) di bawah menunjukkan ukiran motif tumbuh-tumbuhan dan khat *kufi* diukir pada Rumah Limas Belanda di Terengganu.

Gambar 2 (a): Ukiran gabungan antara motif tumbuhan-tumbuhan dan tulisan (Khat Kufi) pada daun pintu masuk utama



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Berdasarkan kenyataan yang dijelaskan oleh (Mohd Hafiz Abd Rahman, 2021) motif ukiran sulur bayur diukir bercirikan batang dan akar tunjang yang melingkar persis huruf ‘S’, berputik pada hujungnya dan mempunyai sifat kelembutan pada batangnya yang beralun

menonjolkan nilai estetika ukiran kayu di Terengganu. Sehubungan dengan itu, nilai estetika seni ukiran kayu Rumah Limas Belanda juga dapat dibuktikan melalui penghasilan ukiran kayu bermotifkan bunga yang diolah dan dijelmakan melalui kemahiran pertukangan tangan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional di Terengganu. Penggunaan motif bunga dalam seni ukiran kayu berkait rapat dengan hubungan keakraban antara manusia dan alam persekitaran (Abdul Halim Nasir, 2016: 51).

Berdasarkan penulisan oleh (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 168) menjelaskan bahawa setiap penggunaan motif bunga seringkali diukir melalui pengamatan daripada kuntuman bunga yang didapati di sekeliling rumah iaitu jenis-jenis pokok yang dijadikan sebagai tanaman makanan, tanaman perhiasan dan tanaman perubatan (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 168). Hal ini dapat dikaitkan melalui kajian (Aji Windu Viatra & Retika Wista Anggraini, 2018: 52) menyatakan “motif hias tumbuh-tumbuhan merupakan motif hias yang diambil dari berbagai jenis-jenis tumbuhan seperti bentuk daun, bunga dan batang. Kemudian diukir menjadi bentuk hiasan yang merambat bersulur yang bergerak kekanan dan kekiri. Hiasan ukiran tumbuh-tumbuhan sangat banyak dipergunakan, hampir menguasai setiap bentuk hiasan yang dibuat di Nusantara”. Oleh itu, ukiran kayu bermotifkan bunga pada Rumah Limas Belanda di Terengganu adalah kuntuman bunga kundur yang bersifat kembang diukir dan diletakkan di bahagian tengah untuk dijadikan sebagai punca benih dan kepala kala (Mohd Hafiz Abd Rahman, 2021). Secara umumnya, penggunaan motif bunga kundur merupakan sesuatu motif kesenian turun-temurun yang seringkali digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu secara meluas dalam menghasilkan sesuatu corak pada kain tenunan songket dan batik (Noor Hafiza Ismail, 2018: 94). Oleh itu, gambar 2 (b) dibawah menunjukkan ukiran kayu bermotifkan bunga kundur digabungkan dengan sulur bayur pada Rumah Limas Belanda di Terengganu.

Gambar 2 (b): Ukiran kayu bermotifkan bunga kundur digabungkan dengan sulur bayur berbentuk ‘s’ pada bahagian daun pintu masuk utama



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh (Gun Faisal, 2019: 4) menjelaskan bahawa nilai estetika motif ukiran kayu bermotifkan bunga turut dihasilkan di Kepulauan Riau iaitu *Bunga Kundur*, *Paku Pakis*, *Bunga Hitam*, *Bunga Kaluk*, *Bunga Tampuk Manggis* dan *Pucuk Rebung* yang jelas terbukti pada elemen reka bentuk rumah Melayu tradisional di Jawa


Tengah. Oleh itu, nilai keindahan ukiran kayu bermotifkan bunga pada Rumah Limas Belanda di Terengganu mempunyai ukiran motif bunga teratai dan bunga cengkih diselitkan dengan sulur bayur berbentuk 'S' yang diletakkan di bahagian tengah dikenali sebagai 'punca' (Mohd Yusof Abdullah, 2021). Menurut (Noor Hafizah, 2018: 360) penjelmaan ukiran bunga teratai sebagai ragam hias oleh tukang-tukang ukir Melayu tradisional di Terengganu menggambarkan suatu proses bunga teratai ketika berkembang, separa kembang dan kudup bunga diertikan sebagai proses permulaan dan pengakhiran dalam kehidupan seseorang manusia. Gambar 2 (c) menunjukkan ukiran motif bunga teratai dan motif bunga cengkih pada Rumah Limas Belanda di Terengganu.

Gambar 2 (c): Ukiran kayu bermotifkan bunga teratai pada bahagian sisir angin dinding antara ruang dapur dan ruang ibu



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Gambar 2 (d): Ukiran kayu bermotifkan bunga cengkih dan sulur bayur berbentuk 'S' pada bahagian sisir angin dinding antara ruang dapur dan ruang ibu



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

Dalam konteks ini, tukang-tukang ukir kayu Melayu tradisional mengukir motif bunga dan dijadikan sebagai punca di bahagian tengah ukiran kayu sebagai titik fokus. Pernyataan ini dapat diperkukuhkan berdasarkan penulisan oleh (Azreena Abu Bakar & Nangkula Utaberta, 2013: 7) menghuraikan bahawa 'motif bunga dijadikan sebagai punca dan diletakkan di bahagian tengah sebagai titik fokus yang mempunyai falsafah ukiran Melayu tradisional sebagai simbol keceriaan, kesegaran, tidak layu dan penyeri pada setiap penghasilan seni ukiran

kayu'. Menurut kajian yang dilakukan oleh (Noor Hafiza Ismail, 2018: 334) menjelaskan bahawa setiap penghasilan ukiran kayu bermotifkan bunga akan diletakkan di bahagian 'punca' atau 'benih' yang dikenali sebagai ukiran 'ibu' diukir bersaiz besar kemudian diselitkan dengan ukiran berbentuk dahan sulur bayur 'S' dikenali sebagai ukiran 'anak' bersaiz lebih kecil yang mengelilingi ruangan ukiran 'ibu'. Hal ini bertepatan dengan penulisan oleh (Norhaiza Nordin, 2009: 46) menjelaskan bahawa tukang-tukang Melayu masyarakat Melayu tradisional mengilhamkan dan memilih sebahagian daripada keindahan alam iaitu kuntuman bunga kembang bagi melahirkan perasaan halus dan suci bersih. Hal ini selaras dengan pernyataan oleh (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 168) menyatakan bahawa "kuntuman bunga yang berkembang membawa erti kesegaran, keceriaan dan kegembiraan dalam kehidupan seperti yang terpancar di sebalik keindahan dan kesegaran bunga tersebut. Apabila dipadankan pada sesebuah rumah Melayu tradisional akan menambahkan lagi seri sesebuah bangunan di samping sebagai simbol kehidupan penghuninya atau sebagai satu harapan agar kehidupan keluarga itu akan menjadi sebagaimana bunga itu".

## **Motif Geometri**

Nilai estetika warisan seni ukiran kayu pada Rumah Limas Belanda di Terengganu juga dapat dibuktikan melalui penghasilan motif dan corak ukiran kayu berunsurkan geometri yang digiatkan oleh tukang-tukang ukir Melayu tradisional (Mohd Hafiz Abd Rahman, 2021). Dalam konteks ini, penjelmaan motif geometri merupakan sesuatu unsur alam yang diolah dan dijelmakan melalui pengalaman, renungan dan kepercayaan masa lampau berdasarkan pengaruh budaya Melayu semenjak zaman prasejarah lagi (Abdul Halim Nasir, 2016: 46). Tambahan lagi, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah, 2014: 197) menghuraikan bahawa setiap pengolahan motif berbentuk geometri adalah mempunyai perkaitan dengan ilmu matematik yang dikenali sebagai algebra.

Ironinya, perhubungan antara kedua-dua bentuk ini mewujudkan pelbagai jenis teknik dalam menghasilkan motif geometri. Sehubungan dengan itu, pernyataan ini dapat dikaitkan bahawa ukiran motif berbentuk geometri dijadikan sebagai motif utama yang diolah dan diukir pada seni bina Melayu tradisional iaitu masjid, surau, istana dan rumah Melayu di Terengganu setelah berlakunya penyebaran agama Islam yang melarang penggunaan ukiran berunsurkan motif fauna dan kosmos (Fauzi Abdullah, 2013: 5). Dalam konteks ini, (Mohd Yusof Abdullah, 2021) menjelaskan bahawa ukiran kayu berbentuk motif geometri yang dilakukan oleh tukang-tukang ukir Melayu di Terengganu adalah mempunyai falsafah dan nilai agama Islam lebih menjurus kepada penjelmaan bentuk-bentuk yang digambarkan seolah-olah bernyawa.

Hal ini dapat dibuktikan dalam penulisannya menjelaskan bahawa 'bentuk geometri berbentuk bulat mempunyai simbolisme keagamaan tidak sahaja di dalam agama Islam bahkan juga digunakan oleh ahli sufi bagi melambangkan syurga atau alam baka' (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 164). Jika diteliti dengan lebih mendalam, unsur geometri merupakan penjelmaan motif dalam ukiran kayu Melayu bersifat garis lurus dan garis lengkung di mana garis lurus dipecah kepada tiga iaitu garis lurus tegak, garis lurus lintang dan garis lurus patah-patah (Rohaida Jusoh, 1996: 77). Sejalan dengan itu, motif geometri biasanya diukir melalui

penghasilan bentuk-bentuk segi tiga, bujur, bulat dan piling berganda iaitu huruf 'S' yang disusun secara berturutan pada Rumah Limas Belanda di Terengganu (Mohd Yusof Abdullah, 2021).

Gambar 3 (a): Ukiran kayu bermotifkan geometri pada bahagian kekisi tingkap



Gambar 3 (b): Ukiran kayu bermotifkan geometri pada bahagian pagar musang



Sumber: Kajian Lapangan pada 15 Februari 2021

## Kesimpulan

Keindahan dan kehalusan seni ukiran kayu pada Rumah Limas Belanda di Terengganu merupakan suatu proses kerja tangan yang ditonjolkan oleh tukang-tukang ukir kayu Melayu bersifat kreatif dan pemikiran yang tinggi yang dipengaruhi oleh alam persekitaran, nilai agama Islam dan corak budaya Melayu tradisional yang mempunyai nilai estetikanya tersendiri. Oleh itu, setiap perletakan dan penghasilan karya seni ukiran kayu pada Rumah Limas Belanda di Terengganu mempunyai falsafahnya yang bernilai estetika dijelmakan pelbagai variasi dan simbol iaitu berunsurkan motif kaligrafi Arab, motif tumbuh-tumbuhan dan motif geometri yang mempunyai makna tersirat dan tersurat. Sesungguhnya, kajian tentang warisan seni ukiran kayu pada Rumah Limas Belanda di Terengganu diumpamakan sebagai sebuah cermin yang memaparkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu tempatan yang boleh dijadikan sebagai pengajaran, pengalaman dan tauladan kepada generasi masa akan datang.

## Rujukan

- A.A. Navis. 1984. *Alam Takambang Jadi Guru*. Jakarta: Grafti Press.
- Ab. Aziz Shuaib & Olalere Folasayo Enoch. 2014, Integrating the Malay Traditional Design Elements into Contemporary Design: An Approach towards Sustainable Innovation. *International Conference on Innovation, Management and Technology Research*, 22-23 September.
- Abdul Halim Nasir. 2016. *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2020. *Membongkar Sejarah Agama & Budaya Melayu: Perjalanan Panjang Merentas Masa Merubah Zaman*, Selangor: Hijjaz Record Publishing.
- Abdullah Yusoff, Salina Sahri & Norain Ismail. 2011. World Congress for Islamic History and Civilization: Islamic Art, Academy of Islamic Studies, 10-11 October.
- Aji Windu Viatra & Retika Wista Anggraini. 2018. Kerajinan Ukiran Kayu di Palembang, *Jurnal Seni Budaya*, Vol. 33: 48-59.
- Azreena Abu Bakar & Nangkula Utaberta. 2013. Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu, *Jurnal Design + Build*. Vol. 6: 1-11.
- Fauzi Abdullah. 2013. Festival & Seminar Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan, Anjuran Universiti Malaysia Kelantan, 16-18 Oktober.
- Gun Faisal. 2019. Arsitektur Melayu: Rumah Melayu Lontiak Suku Majo Kampar, *Jurnal Arsitektur*, 6: 1-12.
- Husni Mubarat & Heri Iswandi. 2018. Aspek-Aspek Estetika Ukiran Kayu Khas Palembang Pada Al Quran Al Akbar. *Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni*. 2(2): 139-152.
- Izani Mat & M. Hum. 2013. Ekspresi Keperibadian Melayu di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 1: 26-32.
- Maizira Abdul Majid & Norhayati Ab. Rahman. 2022. Motif Flora dan Fauna dalam Sulaman Kelingkan Kelantan Berdasarkan Pendekatan Estetika Seni Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15: 117-136.

- Makmur & Muhammad Bukhari Lubis. 2014. Corak Seni Khat Ukir Nusantara: Perbandingan Karya Ukiran Kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia). *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 2: 31-49.
- Makmur Haji Harun, Bazrul Bahaman & Mohd Fauzi Ariffin, Perkembangan Seni Khat Ukir Melayu: Kajian Terhadap Karya-Karya Ukiran Kayu di Terengganu, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mastor Surat. 2013. Gagasan dan Pemikiran Ragamhias dalam Seni bina Warisan Melayu: Cabaran kepada Pengukir Malaysia dalam Pembangunan Senibina Beridentitikan Kebangsaan. Kertas kerja *Seminar Nuansa Seni Ukir Melayu*. Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, 18 September.
- Mohamad Sany Mohd Hanif, Mohammad Omar Bidin. 2015. Kajian Perbandingan: Seni Pertukangan (Ukiran) Tradisional dan Rapid Prototyping. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Nazzri Ahmad. 2016. Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir dan Asyaari Muhamad. 2018. Sejarah Ukiran Kayu dan Hiasan Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(3): 75-84.
- Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2020. Motif Alam Flora Dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan, *Jurnal Melayu*, 19(1): 35-55.
- Mohd Yusof Abdullah. 2012. *Warisan Seni Bina Melayu Terengganu*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohd Zamri Mohamed Noor & Ermy Azziaty Rozali. 2021. Arabesque in the Malay Carving Art: The Glorious Continuation of the Islamic Civilization. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (BITARA). 4(1): 118-129.
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal. Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu dalam Seni Bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*. 11: 1-14.
- Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah. 2014. Motif Ukiran Kayu pada Mimbar Masjid Terengganu. Kerta kerja *Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Bangi, 23-24 Disember.
- Noor Hafiza Ismail. 2018. Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Baru di Terengganu. Tesis Ph.D, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhaiza Nordin. 2009. *Ukiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hafizah Ramle, Ab. Aziz Shuaib, Ramle Abdullah & Nor Hafiza Othman. 2013. Unsur Islam dalam Seni Bina Landskap Melayu Berdasarkan Pemilihan Tumbuhan di Bandar Kota Bharu: Satu Kajian Kes. *International Journal of Creative Futures and Heritage*. 3. 79-86.
- Nursuriani Shaffee & Ismail Said. 2013. Types of Floral Motifs and Patterns of Malay Woodcarving in Kelantan and Terengganu, *Asia Pacific International Conference on Environment Behavior Studies*, University of Westminster, London, 4-6 September.

- Ridzuan Hussin, Asmahan Mokhtar & Abdul Razak Abdul Jabbar. 2017. Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6: 1-13.
- Rohaida Jusoh. 1996. *Motif dan Perubahan di dalam Seni Bina Muzium Negeri Terengganu*. Melaka: Institut Teknologi Seni Malaysia.
- Singh, Pooja. 2017. Existance of arabesque in Islamic Architecture. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 7(6): 292-295.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Kraftangan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temubual bersama Encik Mohd Azuan Harun, *Pegawai Kurator Bahagian Sejarah*, di Muzium Negeri Terengganu, pada 9 Januari 2021.
- Temubual bersama Encik Mohd Yusof Abdullah, *Tokoh Warisan Budaya Negeri Terengganu*, di Institut Kajian Sejarah dan Perundangan Diraja Terengganu, pada 10 Januari 2021.
- Zaitie Satibi. 2018. Karya Unik Kekalkan Tradisi Bangsa, *Akhbar Harian Metro*: 34..